

GURU TAHFIZ TAK BERKUALITI?

SENARIO pendidikan masa kini lebih menunjukkan bahawa pembentukan disiplin dan karakter anak-anak bermula di sekolah, bukan lagi dari rumah.

Kesibukan ibu bapa mencari rezeki ekoran peningkatan kos hidup menyebabkan guru masa kini mula mengambil alih sepenuhnya peranan mendidik anak-anak sama ada ilmu dunia atau akhirat.

Sambil mengakui keadaan itu, ahli Yayasan Pendidikan Islam Selangor (Yapis), Prof. Datuk Dr. Abdul Halim Tamuri berkata, ia menjadi lebih terserlah apabila wujudnya peningkatan kesedaran agama yang ketara dalam kalangan ibu bapa.

fokus

Oleh HASHNAN
ABDULLAH
agama@utusan.com.my



Tidak kira untuk tujuan hafazan atau memperbetul akhlak, beliau percaya suasana itu menjadikan keperluan penubuhan sebuah institusi latihan khas bagi melahirkan guru tahfiz berkualiti tidak boleh lagi diketepikan begitu sahaja. "Inisiatif itu perlu segera dilaksanakan supaya trend ibu bapa memberikan sepenuhnya peranan mereka dalam




ABDUL HALIM
TAMURI

mendidik anak-anak kepada guru dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin," katanya dalam Wacana Cendekiawan Institut Alam dan Tamadun Melayu (Arma) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Tambah Abdul Halim, bagi guru-guru dalam aliran sekolah kebangsaan, mereka mungkin tidak mempunyai masalah besar untuk melaksanakannya kerana telah dilatih secara profesional sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana sekolah sama ada rendah atau menengah.

Dalam masa sama, beliau berkata, guru-guru berkenaan bukan hanya menikmati kemudahan skim perkhidmatan yang baik tetapi kerap dihantar mengikuti pelbagai latihan



PELAPIS... Pelajar sekolah agama atau akademik tahfiz perlu dilipat sebagai usaha melahirkan guru berkualiti pada masa depan. - GAMBAR HIASAN.

bagi meningkatkan kemahiran mengajar. "Namun untuk guru-guru aliran pendidikan agama

khususnya tahfiz, semua itu tiada. Banyak isu yang melingkari tenaga pengajar berkenaan walaupun permintaan terhadap

perkhidmatan mereka semakin ketara sejak akhir-akhir ini," katanya.

Abdul Halim pada wacana tersebut menyenaraikan lebih 10 isu pendidikan guru-guru tahfiz yang memerlukan perhatian khusus daripada pihak berkuasa agama pusat dan juga negeri.

Isu itu bukan hanya melibatkan tentang bekalan guru tahfiz, pengiktirafan sijil perguruan dan pusat latihan perguruan, bahkan aspek latihan perguruan yang tidak selaras, kurang sistematik dan tidak menepati keperluan semasa.

"Isu guru tersebut amat penting dalam mekanisme membangunkan sesebuah pendidikan berkualiti kerana merekalah golongan pelaksana," katanya.



ERA masa kini tidak boleh lagi mengetepikan aspek kemudahan asas pelajar dalam pembangunan mental dan fizikal mereka. - GAMBAR HIASAN.



NASIB guru dan bakal guru tahfiz perlu dibela supaya mereka tidak dianggap golongan kelas kedua dalam arus pendidikan negara. - GAMBAR HIASAN.

Bukan guru kelas kedua

MENURUT Abdul Halim, gesaan mewujudkan institusi melatih guru tahfiz amat penting agar mereka tidak dianggap sebagai guru kelas kedua atau sekadar mengisi kekosongan yang diperlukan bagi memastikan kelangsungan hidup sesebuah sekolah agama.

"Saya percaya dengan adanya institusi khusus tersebut akan membolehkan kita memiliki satu piawaian pendidikan tahfiz

yang dipersetujui semua pihak berkepentingan.

"Dengan kata lain, kita bakal mempunyai sistem kurikulum, kemahiran psikologi dan sosiologi pelajar, pedagogi, amalan pendidikan yang baik, etika profesion guru tahfiz dan aspek-aspek lain yang seragam untuk seluruh negara," katanya.

Pada masa sama, pihak berkuasa agama Islam negeri boleh gunakan piawaian tersebut untuk mengiktiraf

atau sebaliknya terhadap sijil pengajian guru tahfiz yang belajar di luar negara.

"Malah, kerja-kerja penguatkuasaan oleh majlis agama Islam negeri atau pusat ke atas sekolah tahfiz juga lebih mudah dilakukan dengan berkesan.

"Lebih penting, ia juga akan memberi keyakinan para penderma untuk memberi sumbangan secara berterusan kepada sekolah agama berkenaan," katanya.

ANTARA ISU PENDIDIKAN GURU TAHFIZ:

- Tiada lagi pusat latihan guru untuk melatih guru-guru tahfiz.
- Kekurangan pakar rujuk untuk pedagogi tahfiz.
- Rujukan pengajaran dan pembelajaran terbatas.
- Kurikulum yang berbagai dan tiada penyelarasan yang tuntas khusus sekolah tahfiz swasta.
- Tiada pelaksanaan dan penguatkuasaan untuk menyelaraskan kurikulum sedia ada.
- Misi dan visi penubuhan pusat tahfiz yang perlu dinilai.
- Bekalan guru bidang tahfiz yang tidak mencukupi.
- Pengiktirafan sijil-sijil guru yang berkhidmat.
- Latihan guru tahfiz sangat terbatas kerana tiada Asas Amalan Baik (Best Practices).
- Kualiti guru yang berkhidmat di sekolah swasta masih menjadi persoalan yang kritikal.
- Metodologi berbeza antara guru dan tiada sistem perkongsian pintar antara guru-guru.
- Membangunkan bahan bantu pengajaran berasaskan IT perlu dilaksanakan secara optimum.
- Pengiktirafan profesionalisme guru dan permit untuk mengajar.
- Kemahiran psikologi dan sosiologi mengendalikan pelajar seawal usia enam tahun sehingga 20 tahun.
- Kaedah pengajaran berkesan kepada pelajar.
- Kaitan dengan pihak luar yang mempunyai kepentingan dengan pihak sekolah tahfiz khususnya pemberi dana.
- Masih belum wujud Etika Profesion Guru Tahfiz yang diterima guna oleh semua pihak dan diiktiraf oleh pihak berkuasa.

Impak positif

ABDUL Halim menyifatkan cadangan menubuhkan institusi perguruan tahfiz bakal memberi kesan positif kepada bekalan guru tahfiz yang kini tidak selari dengan pertumbuhan sekolah tahfiz atau agama rakyat di negara ini.

"Jumlah pelajar yang memasuki aliran agama memang ramai setiap tahun tetapi entah apa sebab atau di mana silapnya, bila habis pengajian, pelajar berkenaan hanya bergelar ustaz sahaja tidak al-hafiz.

"Mungkin kerana tidak jaga hafazan atau terjun ke bidang kerjaya lain yang menjanjikan pendapatan tetap berbanding mengajar di sekolah agama," katanya.

